

**KONSEP PENYUCIAN JIWA : KAJIAN
PERBANDINGAN ANTARA ISLAM DAN
BUDDHISME**

AZHAR BIN ABDUL RAHMAN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2015**

**KONSEP PENYUCIAN JIWA : KAJIAN
PERBANDINGAN ANTARA ISLAM DAN BUDDHISME**

Oleh

AZHAR BIN ABDUL RAHMAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2015

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|---------------------------|----------------|
| PENGHARGAAN..... | II |
| SENARAI KANDUNGAN..... | IV |
| SISTEM TRANSLITERASI..... | IX |
| SENARAI SINGKATAN..... | X |
| SENARAI LAMPIRAN..... | XI |
| ABSTRAK..... | XII |
| ABSTRACT..... | XIII |

BAB SATU - PENDAHULUAN

| | |
|----------------------------|----|
| 1.1. Pengenalan | 1 |
| 1.2. Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3. Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.4. Skop Kajian | 10 |
| 1.5. Objektif Kajian | 12 |
| 1.6. Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.7. Sorotan Karya | 14 |
| 1.8. Metodologi Kajian | 20 |

BAB DUA – KONSEP PENYUCIAN JIWA MENURUT ISLAM

| | | |
|--------|------------------------------------|-----|
| 2.0. | Pendahuluan | 28 |
| 2.1. | Konsep Kerohanian Dalam Islam | |
| 2.1.1. | Terminologi Penyucian | 29 |
| 2.1.2. | Terminologi Jiwa | 32 |
| 2.1.3. | Terminologi Penyucian Jiwa | 38 |
| 2.1.4. | Medium Penyucian Jiwa | 42 |
| 2.1.5. | Kepentingan Penyucian Jiwa | 50 |
| 2.2. | Kotoran-Kotoran Jiwa Menurut Islam | |
| 2.2.1. | Punca-Punca Kotoran Jiwa | 58 |
| 2.2.2. | Kotoran Jiwa Dari Sudut Akidah | 65 |
| 2.2.3. | Kotoran Jiwa Dari Sudut Syariah | 69 |
| 2.2.4. | Kotoran Jiwa Dari Sudut Akhlak | 79 |
| 2.2.5. | Natijah Kotoran Jiwa | 87 |
| 2.3. | Penyucian Jiwa Menurut Islam | |
| 2.3.1. | Pencegahan Kotoran Jiwa | 94 |
| 2.3.2. | Penyucian Jiwa Dari Sudut Akidah | 103 |
| 2.3.3. | Penyucian Jiwa Dari Sudut Syariah | 109 |
| 2.3.4. | Penyucian Jiwa Dari Sudut Akhlak | 121 |
| 2.3.5. | Natijah Kesucian Jiwa | 131 |

BAB TIGA – KONSEP PENYUCIAN JIWA MENURUT BUDDHISME

| | | |
|----------|---|-----|
| 3.0. | Pendahuluan | 135 |
| 3.1. | Agama Buddha | |
| 3.1.1. | Sejarah Kelahiran Gautama Buddha | 136 |
| 3.1.2. | Sejarah Buddhisme | 140 |
| 3.1.3. | Kitab-Kitab Buddhisme | 144 |
| 3.1.4. | Sekolah-Sekolah Pemikiran Buddhisme | 150 |
| 3.2. | Teori Penyucian Jiwa | |
| 3.2.1. | Jalan Empat Kebenaran Mulia | 154 |
| 3.2.1.1. | <i>Dukkha</i> - Kebenaran mulia tentang <i>dukkha</i> | 160 |
| 3.2.1.2. | <i>Samudaya</i> - Kebenaran mulia kemunculan dan sebab musabab berlakunya <i>dukkha</i> | 167 |
| 3.2.1.3. | <i>Niroddha</i> - Kebenaran mulia tentang penamatan <i>dukkha</i> | 173 |
| 3.2.1.4. | <i>Magga</i> - Kebenaran mulia tentang jalan penamatan <i>dukkha</i> | 178 |
| 3.2.2. | Jalan Tengah | 180 |
| 3.3. | Praktikal Penyucian Jiwa | |
| 3.3.1. | Jalan Lapan Lapis Mulia | 183 |
| 3.3.1.1. | <i>Samma-Ditthi</i> - Pandangan yang betul | 186 |
| 3.3.1.2. | <i>Samma-Samkappa</i> - Fikiran yang betul | 194 |
| 3.3.1.3. | <i>Samma-Vaca</i> - Pertuturan yang betul | 201 |
| 3.3.1.4. | <i>Samma-Kammanta</i> - Perbuatan yang betul | 208 |
| 3.3.1.5. | <i>Samma-Ajiva</i> - Pekerjaan yang betul | 213 |
| 3.3.1.6. | <i>Samma-Vayama</i> - Usaha yang betul | 219 |
| 3.3.1.7. | <i>Samma-Sati</i> - Kesedaran yang betul | 224 |
| 3.3.1.8. | <i>Samma-Samadhi</i> - Penumpuan yang betul | 230 |

BAB EMPAT – ANALISIS PERBANDINGAN KONSEP PENYUCIAN JIWA MENURUT ISLAM DAN BUDDHISME

| | | |
|----------|---|-----|
| 4.1. | Analisa dan Perbandingan Teori Penyucian Jiwa | 235 |
| 4.1.1. | <i>Dukkha</i> | 236 |
| 4.1.2. | Pandangan yang betul | 244 |
| 4.2. | Analisa dan Perbandingan Praktikal Penyucian Jiwa | 252 |
| 4.2.1. | Praktikal suruhan dan larangan yang melibatkan hati dan fikiran | 252 |
| 4.2.1.1. | Keperluan niat yang betul dalam proses penyucian | 253 |
| 4.2.1.2. | Niat untuk meninggalkan kehidupan dunia dan tidak terpaut kepadanya | 257 |
| 4.2.1.3. | Niat bermurah hati dan berbelas kasihan | 262 |
| 4.2.1.4. | Usaha yang betul | 267 |
| 4.2.1.5. | Kesedaran yang betul | 273 |
| 4.2.2. | Praktikal suruhan dan larangan yang melibatkan lisan dan anggota badan | 276 |
| 4.2.2.1. | Perbuatan melibatkan anggota badan | 276 |
| 4.2.2.2. | Perbuatan melibatkan lisan | 280 |
| 4.2.2.3. | Perbuatan melibatkan pekerjaan | 282 |
| 4.3. | Analisa dan Perbandingan Punca-Punca Kekotoran Jiwa | 285 |
| 4.3.1. | Nafsu dan segala yang berkait dengannya ; syahwat, keterikatan dengan dunia dan kejahilan | 286 |

| | | |
|--------|--|-----|
| 4.4. | Analisa dan Perbandingan Ganjaran Proses Penyucian | 295 |
| 4.4.1. | Karma | 295 |
| 4.4.2. | Nirvana | 296 |
| 4.5. | Rumusan | 303 |

BAB LIMA – PENUTUP

| | | |
|--------|-----------------------|-----|
| 5.1. | Pendahuluan | 308 |
| 5.2. | Kesimpulan | 309 |
| 5.3. | Cadangan dan Saranan | 313 |
| 5.3.1. | Penyelidik | 313 |
| 5.3.2. | Pendakwah | 316 |
| 5.3.3. | Pemimpin dan Kerajaan | 319 |
| 5.3.4. | Masyarakat | 320 |

SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI

Sumber : Idris Awang. (2006). *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

| Huruf Rumi | Huruf Arab | Huruf Rumi | Huruf Arab |
|------------|------------|------------|------------|
| a | ا | ṭ | ط |
| b | ب | ẓ | ظ |
| t | ت | ‘ | ع |
| th | ث | gh | غ |
| j | ج | f | ف |
| ḥ | ح | q | ق |
| kh | خ | k | ك |
| d | د | l | ل |
| dh | ذ | m | م |
| r | ر | n | ن |
| z | ز | h | هـ |
| s | س | w | و |
| sh | ش | ’ | ء |
| ṣ | ص | y | ي |
| ḍ | ض | h | ة |

VOKAL

| Pendek | | Panjang | | Diftong | |
|--------|--|---------|---|---------|----|
| a | | ā | ا | ay | اي |
| u | | ī | ي | aw | او |
| i | | ū | و | | |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------------|---------------------------------|
| Dr | Doktor |
| <i>Ibid.</i> | ibidem (pada tempat yang sama) |
| H. | Hijrah |
| Hal. | Halaman |
| No. | Nombor |
| Prof. | Profesor |
| R.A. | <i>RadiAllahu ‘anhu</i> |
| SAW | <i>Şallāhu ‘alaihiṣṣalām</i> |
| Sdn. Bhd. | Sendirian Berhad |
| SWT | <i>Şubhanahu wa ta‘ala</i> |
| T.T. | Tanpa Tahun |

SENARAI LAMPIRAN

HALAMAN

| | | |
|------------|-------------------------------------|-----|
| Lampiran 1 | <i>Jadual Analisis Perbandingan</i> | 330 |
|------------|-------------------------------------|-----|

KONSEP PENYUCIAN JIWA : KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA ISLAM DAN BUDDHISME

ABSTRAK

Penyucian jiwa wujud dalam setiap agama, termasuklah dua agama yang dianuti paling ramai di Malaysia iaitu Islam dan Buddhisme. Konsep penyucian jiwa dalam kedua-dua agama tersebut mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh dilihat dari sudut persamaan dan perbezaannya. Unsur persamaan dan perbezaan ini boleh membawa kepada masalah kekeliruan dan kegelinciran akidah umat Islam sekiranya tidak dijelaskan dengan baik. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji konsep penyucian jiwa Islam menurut al-Quran dan menganalisis konsep konsep penyucian jiwa Buddhisme menurut jalan empat kebenaran mulia dan jalan lapan lapis mulia. Seterusnya untuk menyelidik persamaan dan perbezaan konsep penyucian jiwa Islam dan Buddhisme. Kaedah kepustakaan diaplikasikan dengan mengkaji al-Quran dan tafsirannya, kitab Buddhisme, kitab-kitab dan buku yang relevan berkaitan penyucian jiwa Islam dan Buddhisme. Dapatan kajian menunjukkan persamaan yang ditemui tidak sekadar persamaan konsep-konsep umum melibatkan nilai-nilai baik yang diajar agama. Persamaan juga mendasari nilai-nilai dalaman yang lebih mendalam seperti kepentingan niat, cara menyucikan fikiran, koreksi diri dan pembebasan diri dari terikat dengan dunia dan hawa nafsu. Perbezaan terbesar ialah soal teologi yang tidak wujud dalam Buddhisme walaupun ada beberapa perkara melibatkan persoalan ghaib seperti konsep karma dan *nirvana*. Di samping itu, kajian turut mendapati konsep penyucian jiwa Islam dan Buddhisme sesuai diketengahkan kepada masyarakat kerana elemen kasih sayang dan kewaspadaan kepada tarikan keduniaan dan nafsu yang wujud pada keduanya.

THE CONCEPT OF SOUL PURIFICATION: A COMPARATIVE STUDY OF ISLAM AND BUDDHISM

ABSTRACT

Soul purification exists in every religion including Islam and Buddhism which have the most devotees in Malaysia. In both religions, there are some similarities and differences in the characteristics in regard to soul purification. The commonalities and differences may at times lead to confusion and the distortion of faith if they are not effectively explained. Hence, this study aims to examine the Islamic concept of soul purification according to the Quran and to analyze the concept of soul purification of Buddhism according to the Four Noble Truths and Noble Eightfold Path. It also investigates the similarities and differences of the soul purification concept of both religions. Library research is applied by studying the holy Quran and its interpretation, Buddhist scriptures, and relevant books related to the purification of the soul in Islam and Buddhism. The findings indicate the similarities that exist between them are not just common concepts of good faith taught by religions but also the intrinsic values such as the significance of intentions, methods of mind purification, ways of self-correction and self-liberation of attachment to worldly possessions and desires. The significant difference of the two is the theological concept that is absent in Buddhism even though there are in Buddhism metaphysical concept such as karma and *nirvana*. Furthermore, the study also finds that the soul-purification concepts of Islam and Buddhism are valuable to society because of their prescriptions of the virtue of love and vigilant detachment from worldly possessions and desire.

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Manusia fitrahnya mahu dan perlukan keselamatan dan kesenangan sama ada pada fizikal mahupun spiritual. Oleh itu, manusia berusaha mencari kuasa agung dengan harapan dapat mencapai keselamatan dan kesenangan tersebut. Natijahnya, muncul pelbagai kepercayaan, kefahaman dan variasi ritual manusia dalam usaha mencari perlindungan dari kuasa yang paling berkuasa. Inilah yang dikatakan sebagai fitrah beragama pada diri manusia. Dalam usaha ini, proses penyucian diri dianggap jalan paling berkesan mendekati diri kepada kuasa agung tersebut sekaligus mendapat jaminan keselamatan, kesenangan dan kesejahteraan hidup di dunia mahupun selepas kematian. Dengan kepercayaan ini, manusia berkeyakinan telah melakukan sesuatu yang terbaik untuk faedah rohani dan jasmani mereka.

Dalam konteks Islam, Allah SWT menurunkan rasul-rasul kepada seluruh umat manusia¹ bertujuan menunjukkan jalan perlindungan dengan kuasa yang paling Agung dan Hakiki. Manusia diajak meninggalkan sembah-sembahan selain dari Allah SWT seperti syaitan, tukang sihir, berhala dan apa sahaja yang mengajak kearah kesesatan². Hanya Allah SWT yang dapat memberikan kesejahteraan, perlindungan dan pergantungan. Rasul- rasul mengajar manusia supaya beriman dan

¹ Lihat *ṣūrah al-Nahl 16 : 36, ṣūrah Yūnus 10 : 47.*

² Al-Qurṭubī, Abī ‘Abdillāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr (2006). *Al-jāmi’ Li Ahkāmī al-Qurāni Wa al-Mubayyinu Limā Taḍhammanahū Min al-Sunnati Wa Āyi al-Furqāni.* Juzuk 12. Bayrūt : Muasasah al-Risālah. Hal. 322.

tidak menyekutukan Allah SWT dan mempercayai adanya hari pembalasan. Ada manusia yang mahu beriman dan ada yang mahu kufur ingkar dan Allah SWT menyediakan api neraka sesiapa yang menzalimi diri mereka dengan kekufuran³. Kekufuran ini mewujudkan dogma-dogma baru yang bercambah seiring perubahan masa dan kembang biak manusia. Akhirnya, muncullah pelbagai kepercayaan, falsafah dan logik manusia yang kemudiannya berkembang menjadi agama anutan manusia. Pada mulanya manusia ialah umat yang satu menurut agama Allah SWT yang satu tetapi mereka berselisihan. Maka Allah SWT mengutuskan nabi-nabi memberi khabar gembira kepada yang beriman dan amaran neraka kepada yang kufur⁴. Asal manusia dari Adam dan Hawa dan zuriat mereka sebelum berselisih pada pandangan dan iktiqad sehinggalah diturunkan para rasul memberi peringatan.⁵

Oleh itu, Allah SWT telah memuktamadkan cara penyembahan, penyucian jiwa dan sistem hidup manusia. Diutuskan nabi Muhammad SAW sebagai penutup segala rasul. Baginda SAW membacakan kepada manusia ayat-ayat Allah SWT, menyucikan jiwa mereka dari kesyirikan dan mengajar isi kandungan al-Quran dan al-Hadith⁶. Maksud penyucian jiwa di sini ialah membersihkan mereka dari keburukan akhlak, kotoran jiwa dan perbuatan-perbuatan jahiliah dan mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya hidayah Allah SWT⁷. Manusia dibekalkan al-Quran dan al-Hadith sebagai rujukan sehinggalah akhir umur dunia. Dijadikan Islam sebagai *dīn* di sisiNya, ditolak selain dari Islam dan dijadikan Islam sebagai sistem cara hidup manusia mencangkupi seluruh aspek kehidupan dunia dan akhirat.

³ Lihat *ṣūrah al-Kahf* 18 : 29.

⁴ Lihat *ṣūrah al-Baqarah* 2 : 213.

⁵ Sayyid Quṭub (2003). *Fī Zilālī al-Qurān*. Juzu' 2. Qāhirah : Dār al-Shurū'. Hal. 215.

⁶ Lihat *ṣūrah Āli 'Imrān* 3 : 164.

⁷ Imādud-dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl Ibn Kathīr (2000). *Tafsīr Qurān al-'Azīm*. Juzu' 8. Qāhirah : Muassasah Qurṭubah. Hal. 124.

1.2 Latar Belakang Kajian

Allah SWT menjadikan manusia berbilang bangsa dan puak, lelaki dan perempuan untuk saling mengenali (*ta'āruf*) di antara satu sama lain. Apa yang membezakan sesama manusia ialah taqwa di sisi Allah SWT⁸. Manusia saling mengenali bukan untuk membanggakan ketinggian nasab dan keturunan kerana kebanggaan itu hanya dinilai dari segi ketaqwaan⁹. Dengan proses *ta'āruf*, manusia dapat memahami dan mengenali, bertukar-tukar maklumat, hormat menghormati dan boleh mencari titik temu yang memungkinkan mereka saling bantu membantu dan hidup harmoni. Allah SWT menjadikan semua manusia berasal dari Adam dan Hawa. Semua manusia adalah sama kerana datangnya dari nasab yang sama. Ibu dan bapa manusia adalah satu asalnya. Oleh itu, tidak ada tempat untuk manusia berbangga dengan bangsa atau mengejek dan mencela sesama sendiri kerana semua manusia adalah bersaudara pada keturunan¹⁰.

Diutuskan Nabi Muhammad SAW dengan Islam yang membawa rahmat kepada seluruh alam¹¹. Kasih sayang dan toleransi yang terkandung dalam ajarannya begitu tinggi bertitik tolak dari asal-usul manusia yang satu dari Adam dan Hawa. Selagi tidak bertentangan dengan syarak, manusia disuruh menghormati dan mengambil tahu sisi hidup manusia yang lain. Allah SWT juga menjadikan manusia dengan fitrah untuk beragama. Manusia semulajadinya mahukan kesejahteraan

⁸ Lihat *ṣūrah al-Hujurāt* 49 : 13.

⁹ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr Al-Suyūfī & Jalāl al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad ibn Muḥammad Al-Maḥallī (1987). *Al-Qurān al-Karīm : Tafsīr al-Imām al-Jalīlain*. Damshiq : Dār Ibn Kathīr. Hal. 33.

¹⁰ Wahbah al-Zuhailīy (2009). *Tafsīr al-Munīr Fī al-'Aqīdah Wa al-Shari'ah Wa al-Manḥaj*. Jilid 10. Damshiq : Dār al-Fikr. Hal. 590.

¹¹ Lihat *ṣūrah al-Anbiyā'* 21:107.

spiritual dan material. Oleh itu, manusia sentiasa mencari satu kuasa paling berkuasa sebagai tempat bergantung dan berlindung. Manusia berharap, sekiranya sesuatu mengancam jiwa, harta benda dan tubuh badan mereka, ada kuasa yang dapat melindungi dan menyelamatkan mereka sama ada di dunia atau alam selepasnya¹². Natijahnya, manusia mencari-cari Tuhan dalam bentuk yang pelbagai yang dianggap boleh menyelamatkan mereka. Ada yang beriman dengan Allah SWT dan ada yang beriman dengan tuhan-tuhan selain Allah SWT. Fitrah manusia ini pasang surut.¹³

Untuk memenuhi fitrah ini, Allah SWT mengutuskan para rasul menunjukkan manusia jalan kebenaran dan keselamatan hakiki. Misi utama mereka menyeru manusia menyembah dan mengesakan Allah SWT dan menjauhi sembah-sembahan selainNya. Ada manusia menerima dan ada yang menolak¹⁴. Para rasul menyeru manusia mentauhidkan Allah SWT dan menjauhi *ṭāghūt* iaitu meninggalkan semua sembah selain Allah SWT seperti syaitan, tukang nujum, berhala dan apa sahaja yang menyeru kepada kesesatan¹⁵. Selepas berlakunya kesyirikan di kalangan anak cucu Nabi Adam *‘alaihissalām*, Allah SWT menurunkan Nabi Nuh *‘alaihissalām* sehinggalah diakhiri Nabi Muhammad SAW yang membawa wahyu kepada manusia dan jin. Setiap rasul membawa perintah yang sama iaitu mengajak manusia menyembah Allah SWT dan mengesakanNya¹⁶.

¹² Haron Din (1997). *Manusia Dan Islam*. Jilid 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal. 230-251.

¹³ Lihat *ṣūrah al-‘Ankabūt* 29 : 65.

¹⁴ Lihat *ṣūrah al-Nahl* 16 : 36.

¹⁵ Abī ‘Abdillāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr al-Qurṭubī (2006). *Al-jāmi’ Li Ahkāmī al-Qurāni Wa al-Mubayyinu Limā Taḍhammanahū Min al-Sunnati Wa Āyi al-Furqāni*. Tahqīq ‘Abdullāh ibn ‘Abd al-Muhsin. Juzu’ 12. Bayrūt : Muasasah al-Risālah. Hal. 322.

¹⁶ Muḥammad ‘Alī Ṣabūni (1981). *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr : Mukhtaṣar Li Tafsīr Abī al-Fidā’ Ismā’īl Ibn Kathīr*. Bayrūt : Dār al-Qurān al-Karīm. Hal. 155.

Apabila manusia semakin jauh dari Allah SWT, rasul-rasul berperanan menunjukkan jalan penyucian jiwa dari kesyirikan zahir dan batin. Oleh itu wujudlah pelbagai proses penyucian jiwa bertujuan mendekatkan (taqarrub) diri dan mencari keredhaan Allah SWT sekaligus mendapat jaminan keselamatan dunia dan akhirat. Al-Quran ada menceritakan kisah-kisah penyucian diri dan jalan untuk mendekatkan diri kepadaNya bersesuaian dengan hal peristiwa dan masa diutuskan rasul-rasul tersebut.

Antaranya ialah dalam bentuk korban sebagaimana kisah anak Nabi Adam *'alaihissalām*, kisah Nabi Ibrahim *'alaihissalām* dan Nabi Ismail *'alaihissalām*¹⁷. Ada juga penyucian diri dalam bentuk mencabut nyawa seperti mana berlaku kepada kaum Nabi Musa *'alaihissalām*¹⁸. Dalam bentuk ucapan (zikir) sebagaimana kisah Nabi Yunus *'alaihissalām*.¹⁹ Dalam bentuk doa sebagaimana kisah Nabi Musa *'alaihissalām* dan Nabi Adam *'alaihissalām*²⁰. Dalam bentuk bersujud dalam kisah Nabi Daud *'alaihissalām*²¹. Dalam bentuk pengasingan diri²² dan dalam bentuk hijrah²³.

Berasaskan kepelbagaian proses penyucian jiwa, adalah menarik dibuat kajian proses penyucian jiwa manusia. Sama ada manusia itu beragama Islam atau sebaliknya, pasti ada ritual-ritual tertentu yang diamalkan bertujuan mencari pergantungan kepada kuasa yang dapat menjanjikan keselamatan dan kesenangan

¹⁷ Lihat *ṣūrah al-Māidah* 5 : 27, *ṣūrah al-Ṣāffāt* 37 : 102.

¹⁸ Lihat *ṣūrah al-Baqarah* 2: 54.

¹⁹ Lihat *ṣūrah al-Anbiyā'* 21 : 87-88.

²⁰ Lihat *ṣūrah al-Qaṣaṣ* 28 : 15-16, *ṣūrah al-A'rāf* 7 : 23.

²¹ Lihat *ṣūrah ṣād* 38 : 22-25

²² Lihat *ṣūrah al-Kahfi* 18 : 10.

²³ Lihat *ṣūrah al-Nahl* 16 : 41-42.

buat diri mereka sama ada di dunia mahupun alam lain selepas kematian. Selain itu, dengan adanya proses penyucian diri, manusia dapat mengawal dirinya dari melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan diri dan masyarakat.

Oleh kerana itulah, pemahaman mengenai kebudayaan sesebuah masyarakat yang biasanya dipengaruhi elemen agama adalah penting. Faktor keagamaan ini boleh membawa kepada jambatan perhubungan antara masyarakat dan kehidupan yang harmoni, hormat menghormati dan berkasih sayang. Apa yang penting manusia terlebih dahulu perlu saling kenal mengenali. Dengan adanya proses ini, proses-proses seterusnya dapat berjalan dengan baik.

1.3 Permasalahan kajian

Fitrah manusia perlukan perlindungan keselamatan, kesenangan dan kesejahteraan jiwa dan fizikal. Manusia mencari kuasa paling berkuasa yang dapat menjamin kesejahteraan jasad dan rohnya. Kemudaran paling besar bagi roh adalah kematian. Oleh itu, manusia tidak dapat mengelak fitrahnya mencari kuasa agung untuk menyelamatkan rohnya sama ada sebelum kematian atau selepas kematian²⁴. Fitrah inilah yang membawa manusia kepada kehidupan beragama. Agama mengajar kepada ritual-ritual penyucian jiwa dan penyembahan bertujuan memenuhi fitrah yang inginkan kesejahteraan tersebut.

²⁴ Haron Din. *Manusia Dan Islam*. Jilid 3. Hal. 230-251.

Permasalahan mula timbul apabila variasi proses-proses penyucian jiwa yang bersesuaian dengan kepercayaan, kefahaman dan budaya sesuatu bangsa atau puak dilihat mempunyai unsur-unsur persamaan dengan konsep-konsep tertentu ajaran Islam. Begitu juga ajaran, berita atau cerita-cerita²⁵ yang hampir sama atau sama dengan ajaran Islam. Juga, terdapat kajian dan penulisan sama ada melalui kajian ilmiah, penulisan buku, *website*²⁶ dan blog-blog di internet²⁷. Contohnya seperti sarjana Harvard University, Alex Berzin yang cenderung menulis mengaitkan hubungan antara Islam dan Buddhisme termasuklah beliau menulis ajaran Buddhisme dari pandangan Islam.²⁸ Sebuah buku tafsir mengaitkan pohon Tin dalam *ṣūrah* al-Ṭīn sebagai pohon Bodhi (ditulis بوذا) tempat di mana Gautama Buddha mendapat pencerahan sempurna. Pengarang menyatakan Gautama Buddha adalah seorang nabi yang benar bernama Sakyamuni atau Junaman. Wahyu turun ketika beliau duduk di pohon tin yang besar dan Allah SWT mengutuskannya sebagai seorang rasul. Pengarang kemudiannya menyatakan bahawa Buddhisme kini menyimpang jauh dari asalnya yang hakiki kerana ajaran Buddhisme tidak ditulis pada zamannya.²⁹

²⁵ Contohnya kisah bencana banjir besar yang menimpa kaum nabi Nuh *'alaihissalām* yang dapat ditemui dalam penceritaan legenda bangsa-bangsa di seluruh dunia dengan versi pelbagai. Contohnya buku Lynch, Patricia Ann & Robert, Jeremy (2004) *African mhytology from A- Z*. Edisi Kedua. Newyork : Chelsea House. Hal. 45. Lihat juga Lewis, Mark Edward (2006). *The Flood Myths Of Early China*. Albany: State University of New York Press. Lihat juga sesawang <http://www.firstvoices.com/en/SENCOTEN/story/82d5c07b566d63e6/%C8%BD%C3%81UWEL%E1%B9%88EW%CC%B1>. Dilihat pada 21 Mei 2011.

²⁶ Contohnya website www.islambuddhisme.com, www.berzinarchives.com. Dilihat pada 30 Mei 2011.

²⁷ Contohnya blog <http://tausug-global.blogspot.com>, <http://sulaimansabikan.blogspot.com>, <http://myalexanderwathern.blogspot.com>. Dilihat pada 30 Mei 2011.

²⁸ Lihat Berzin, Alexander. *Buddhism and Its Impact on Asia*. *Asian Monographs*, no. 8. Cairo: Cairo University, Center for Asian Studies, June 1996. Juga lihat disesawangnya http://www.berzinarchives.com/web/en/archives/study/islam/general/buddhist_islamic_view.html. Dilihat pada 30 Mei 2011.

²⁹ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimīy (1957). *Tafsīr al-Qāsimīy al-Muthammā Maḥāsin al-Ta'wīl*. Cairo : Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah. Hal. 6199 – 6200.

Ved Prakash Upaddhay dari Universiti Sanskrit Prayaq, India dalam bukunya³⁰ menulis perihal pengkisahan Nabi Muhammad dalam kitab-kitab Veda. Danial dalam bukunya mengenai kerasulan nabi Muhammad SAW membincangkan dalam bab empat berkaitan Nabi Muhammad SAW dalam kitab agama Hindu dan Buddhisme dan beliau bersetuju dengan pernyataan Gautama Buddha sebagai seorang nabi³¹. Zakir Naik mengaitkan ciri-ciri *Buddha Maitreya* yang ditulis dalam kitab-kitab Buddhisme dan akan muncul sebagai menepati ciri-ciri Nabi Muhammad SAW³². Abdul Haq Vidyarti³³ menjelaskan nama dan ciri-ciri rasul terakhir Nabi Muhammad SAW yang ada dalam kitab-kitab (scriptures) Parsi, Yahudi, Kristian, Hinduisme dan Buddhisme.

Perkaitan berita, cerita dan ajaran yang hampir sama ini menjadi asas untuk mengaitkan Islam dengan agama-agama tertentu termasuklah hubungkait antara Islam dan Buddhisme. Sekiranya tidak dijelaskan dengan teliti, hubungkait antara agama-agama ini kemudiannya boleh membawa kepada idea berkaitan semua agama pada hakikatnya dikatakan berasal dari Tuhan yang sama yang mengutuskan para rasul kepada manusia. Oleh itu semua agama adalah benar dan membawa kepada kesatuan agama. Idea yang sama ditunjangi oleh golongan pluralisme³⁴ yang akhirnya mencemarkan kesucian akidah orang Islam. Oleh itu, aspek persamaan, perbezaan dan hubungkait ini membawa masalah kekeliruan dan kegelinciran akidah umat Islam sekiranya tidak diperhalusi dan dijelaskan dengan baik. Dalam konteks

³⁰ Ved Prakash Upaddhay (2004). *Muhammad In The Hindu Scriptures (Muhammad Alamghir)*. Kuala Lumpur : A.S Nordeen. (Karya asal diterbitkan pada 1969).

³¹ Danial Zainal Abidin (2011). *Bukti-Bukti Sains Dan Sejarah Kerasulan Muhamad*. Batu Caves : PTS Milinea Sdn. Bhd.

³² Zakir Naik (2009). Muhammad (PBUH) In *Buddhis Scriptures*. Diambil pada 16 Jun 2011 dari http://www.irf.net/index.php?option=com_content&view=article&id=199&Itemid=142

³³ Abdul Haq Vidyarthi (2006). *Muhammad In World Scriptures*. Kuala Lumpur : Islamic Book Trust.

³⁴ Lihat Hick, J. (1991). *An Interpretation Of Religion : Human Responses To The Transcedent*. London : Macmillan. Hal. 36.

Islam dan Buddhisme, persamaan ajaran dapat dilihat seperti soal nafsu sebagai pencetus sifat-sifat negatif, karma atau buat baik dibalas baik dan buat jahat dibalas jahat, *nirvana* dan syurga dan beberapa persamaan lain yang melibatkan soal penyucian jiwa. Perkara-perkara ini perlu dikaji sejauhmanakah persamaan yang wujud dan perlu dijelaskan dengan baik aspek-aspek perbezaannya supaya tidak menimbulkan masalah kecelaruan dan kekeliruan akidah umat Islam kerana boleh menjurus kepada kepercayaan bahawa kebenaran yang sama bagi semua agama. Masalah ini adalah besar dari sudut akidah Islam dan perlukan penjelasan dan jawapan menyelesaikannya.

Dalam konteks penyucian jiwa Islam pula, masalah juga wujud apabila ada orang Islam yang terlibat dengan ajaran sesat kerana manipulasi, jahil atau kurang memahami konsep penyucian jiwa menurut Islam. Bidang kerohanian sangat mudah dieksploitasi dan dimanipulasi oleh pembawa ajaran sesat untuk kepentingan peribadi³⁵. Oleh itu, masyarakat perlu dijelaskan konsep-konsep asas penyucian jiwa meliputi akidah, syariah dan akhlak. Konsep asas penyucian jiwa Islam perlu diperhalusi dan diperjelaskan kepada masyarakat supaya konsep penyucian jiwa ini tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak yang sekaligus boleh mengugat dan menyeleweng akidah umat Islam.

Berasaskan semua ini, adalah wajar kajian dilakukan untuk mengkaji konsep penyucian jiwa Islam dan Buddhisme. Seterusnya, mengenal pasti sejauhmana relevan perkaitan persamaan dan perbezaan ini. Adakah kaitan persamaan sekadar

³⁵ Zakaria Stapa (1999). *Persoalan Penyelewengan Dalam Tarikat Tasauf*. Selangor : Majlis Ugama Islam Selangor. Hal. 1.

kepada nilai-nilai kemanusiaan yang menjadi fitrah manusia ataupun lebih dari itu ? Apakah aspek-aspek perbedaannya pula ? Apakah tapak-tapak persamaan ini boleh membawa kepada kajian lanjutan hubungkait Buddhisme dan Islam? Dengan kajian ini diharap dapat menyelesaikan masalah dan persoalan yang timbul dan menyahut seruan al-Quran supaya saling mengenali³⁶ dan memelihara hubungan dengan yang lain³⁷.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini tidak melibatkan perbandingan tematik konsep-konsep tertentu dalam Islam ataupun Buddhisme. Kajian lebih kepada mengkaji konsep-konsep umum penyucian jiwa dari perspektif al-Quran yang meliputi soal akidah, syariah dan akhlak. Perbahasan konsep penyucian jiwa menurut Islam adalah berasaskan perspektif ayat-ayat yang dinukilkan al-Quran yang mempunyai hubungkait dengan soal penyucian dan kekotoran jiwa meliputi aspek teori dan praktikal. Perbincangan meliputi soal penyucian jiwa dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan dengan fokus kepada al-Quran. Ayat-ayat al-Quran yang dijadikan hujah dan mempunyai kaitan dengan ayat lain dihubungkan supaya mudah memahami apa yang hendak disampaikan dan menguatkan hujah. Ayat-ayat *muḥkam* yang mudah diketahui maksudnya digunapakai. Ayat *muḥkam* adalah ayat yang maksudnya dapat diketahui secara langsung tanpa memerlukan keterangan

³⁶ Lihat *ṣūrah al-Hujurāt* 49 : 13.

³⁷ Lihat *ṣūrah Mumtahanah* 60 : 8.

lain³⁸. Seterusnya perbahasan ini dikuatkan dengan tafsiran berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar dan bersifat primari.

Dengan memahami konsep-konsep umum penyucian jiwa ini menurut perspektif al-Quran, kajian akan lebih fokus dan memudahkan perbandingan dibuat dengan konsep penyucian jiwa Buddhisme yang diperolehi dari sarjana-sarjana mahupun kitab-kitab utama Buddhisme. Kajian ini tidak membandingkan al-Quran secara keseluruhannya dengan ajaran Buddhisme tetapi hanya mengambil ayat-ayat al-Quran berkaitan konsep asas penyucian jiwa meliputi soal akidah, syariah dan akhlak sebagai asas perbandingan dengan konsep penyucian Buddhisme yang berteraskan jalan empat kebenaran mulia dan jalan lapan lapis mulia. Perbahasan konsep penyucian jiwa menurut Buddhisme hanyalah tertakluk kepada jalan empat kebenaran mulia dan jalan lapan lapis mulia. Dengan tumpuan kepada kedua-dua jalan ini, segala konsep penyucian Buddhisme dapat difahami dengan baik. Kedua-dua jalan ini meliputi soal teori dan praktikal dan sekiranya dipraktikkan dapat menyucikan jiwa. Kedua-duanya saling berkaitan, menjadi teras ajaran Buddhisme dan asas kepada kehidupan yang suci (fundamentals of the holy life) yang akhirnya membawa kepada Nirvana³⁹. Dengan tumpuan kepada kedua-dua jalan ini secara tidak langsung konsep penyucian jiwa Buddhisme dapat difahami dengan baik.

Oleh itu, perbandingan konsep penyucian jiwa menurut Islam dan Buddhisme hanyalah melibatkan aspek-aspek persamaan dan perbezaan berasaskan konsep

³⁸ Mannā Khalīl al-Qaṭṭān (2002). *Studi Ilmu-Ilmu Quran*. Terjemahan oleh Mudzakir dari karya asal bertajuk *Mabāhith Fī 'Ulūm al-Qurān*. Jakarta : Halim Jaya. Hal. 306..

³⁹ Lihat dalam *Majhimma Nikaya* iaitu salah satu *nikaya* utama dalam *Sutta Pitaka* (kitab Buddhisme). Nanamoli & Bodhi (1995). *The Middle Length Discourses Of The Buddha. A New Translation Of Majhimma Nikaya Translated From The Pali*. Sri Lanka : Buddhist Publication Society. Hal. 536.

umum atau asas penyucian jiwa dari perspektif Al Quran dan perbandingannya dengan konsep penyucian jiwa menurut Buddhisme menerusi jalan empat kebenaran mulia dan jalan lapan lapis mulia.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengkaji konsep penyucian jiwa Islam menurut al-Quran.
2. Menganalisis konsep penyucian jiwa Buddhisme menurut jalan empat kebenaran mulia dan jalan lapan lapis mulia.
3. Menyelidik persamaan dan perbezaan konsep penyucian jiwa Islam dan Buddhisme.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian konsep penyucian jiwa menurut Islam, boleh menjadi alternatif menangani pelbagai masalah berkaitan kejiwaan. Konsep penyucian dikaitkan dengan peranan ilmu akhlak yang menjadi tapak melahirkan kepimpinan agung bertunjangkan ketundukan kepada Allah SWT. Kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran berkaitan konsep penyucian boleh dicernakan bertujuan mencipta motivasi, idea, gagasan dan peringatan kepada masyarakat Islam kontemporari. Kajian membuka jalan penghasilan modal insan kelas pertama. Model penyucian jiwa boleh menjadi input segar menyelesaikan masalah kemurungan, tekanan, bunuh diri,

penderaan, sumbang mahram, seks bebas, dadah, *black metal* dan pelbagai penyakit sosial masyarakat masa kini.

Kajian juga penting untuk memahami nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang wujud dalam Islam dan Buddhisme. Titik persamaan yang wujud membolehkan kedua-dua penganut mengenali, menyayangi dan menghormati antara satu sama lain. Ianya bukan sekadar perhubungan berasaskan nilai kemanusiaan bahkan melibatkan hubungan antara penganut Islam dan Buddhisme di seluruh dunia. Apabila manusia berpegang teguh dengan agama, keamanan sejagat dapat dihasilkan.

Dalam konteks ilmiah, kajian ini penting untuk menghasilkan buku-buku dan penulisan ilmiah berkaitan perbandingan Islam dan Buddhisme. Penulisan dan kajian temporeri banyak berkisar perbandingan Islam dan Kristian. Kajian ini membolehkan perbincangan dilakukan berkaitan Buddhisme dari kaca mata Islam secara ilmiah, implisit dan eksplisit. Tambahan pula Buddhisme sinonim dengan masyarakat Cina yang mewakili etnik kedua besarnya di Malaysia dan Buddhisme sebagai agama kedua terbesarnya di Malaysia selepas Islam⁴⁰. Oleh itu, kajian perlu dilakukan kerana mempunyai potensi yang besar dari sudut akademik pada masa akan datang.

Dalam konteks Malaysia, kajian ini dapat menyumbang dan menyahut seruan kerajaan terutamanya dalam menjayakan misi Integrasi Nasional dan Wawasan 2020. Titik persamaan antara Islam dan Buddhisme boleh dijadikan alat mengukuhkan

⁴⁰ Jabatan Perangkaan Malaysia, laporan taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010. Lihat sesawang http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&Itemid=&lang=bm. Dilihat pada 17 Ogos 2011.